

Rujukan Kami: UMP.03.08/11.21/1/4 Jilid 16(9)  
Tarikh: 7 April 2020

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,  
YH Dato'/Profesor/Tuan/Puan,

**PENGURUSAN PEROLEHAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kerajaan melalui perutusan YAB Perdana Menteri mengenai Covid-19 memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020 di seluruh negara. Perintah Kawalan Pergerakan ini meliputi:

**"Penutupan semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Awam dan Swasta Serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh Negara"**

3. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa, berkuatkuasa 18 Mac 2020:
- Semua tarikh proses penjualan, lawatan tapak dan penutupan sebutharga/tender sebagaimana yang telah diiklankan sebelum ini adalah dilanjutkan tempoh penjualan. Sila layari <http://www.ump.edu.my/ims/pembekal> untuk maklumat terperinci;
  - Tarikh akhir pembekalan bagi semua bekalan dan perkhidmatan yang tamat dalam tempoh PKP dilanjutkan sehingga empat belas (14) hari selepas PKP diumumkan berakhir kecuali bagi perkhidmatan pencucian dan pembersihan; dan
  - Arahan ini adalah terpakai sepanjang tempoh PKP yang diumumkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
4. Urusan perolehan sepanjang tempoh PKP adalah mengikut prosedur perolehan darurat. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Norliza Arshad (012-9888762, [norliza@ump.edu.my](mailto:norliza@ump.edu.my)) atau Puan Norfariza Mohd Saim (010-6271403, [norfarizams@ump.edu.my](mailto:norfarizams@ump.edu.my)).

Segala kesulitan amatlah dikesali. Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menandatangani amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (UMP)  
Universiti Malaysia Pahang

s,k Naib Canselor